



KEMENTERIAN PENDIDIKAN TINGGI



UNIVERSITI
TEKNOLOGI
MARA



KATEGORI A: PUSAT KEUSAHAWANAN TERBAIK

*Akademi Pembangunan PKS dan Keusahawanan
Malaysia (MASMED)*

ANUGERAH
KEUSAHAWANAN 2025
KEMENTERIAN PENDIDIKAN TINGGI



PENYEDIAAN FASILITI BAGI PEMBANGUNAN KEUSAHAWANAN

Koperasi Siswa UiTM (KOSISWA)

- Ditubuhkan sejak 2011 sebagai platform latihan praktikal mahasiswa.
- Mahasiswa mengurus organisasi sebenar melalui operasi koperasi.
- Pelajar bertindak sebagai penggerak utama operasi dan pentadbiran.
- Membentuk graduan dengan pengalaman kepimpinan & keusahawanan sebenar.
- Memberi nilai tambah unik kepada mahasiswa UiTM.
- Meningkatkan kesiapsiagaan kerjaya dan perniagaan selepas tamat pengajian.

ANUGERAH KEUSAHAWANAN KPT | KATEGORI A: PUSAT KEUSAHAWANAN TERBAIK

Peruncitan, dobi, kafeteria, optometri, percetakan dan pembekalan perkhidmatan logistik antara jenis perniagaan dijalankan

Ahli Kosiswa akan mendapat pelbagai manfaat, antaranya melalui dividen tahunan sehingga 5 peratus.

Kosiswa jalan terbaik jana pendapatan

TRIVIA

- Koperasi Siswa UiTM Selangor Berhad (Kosiswa UiTM) ditubuhkan pada 2011 di bawah inisiatif Kementerian Pendidikan Tinggi (KPT) dalam menggalakkan penglibatan pelajar dalam bidang keusahawanan di peringkat universiti. Ia diuruskan sepenuhnya mahasiswa UiTM dan kini beroperasi di lebih 20 premis di UiTM Selangor. Untuk terus membawa 'Agenda Memperkasakan Pembangunan Keusahawanan Mahasiswa', Kosiswa telah bekerjasama dengan pelbagai pihak antaranya UiTM, MASMED, Angkasa, Suruhanjaya Koperasi Malaysia, KPT dan Kementerian Pembangunan Usahawan.

Selain itu, ahli koperasi yang mempunyai perniagaan akan diberikan bimbingan perniagaan oleh penunding profesional secara percuma. Ahli koperasi juga berpeluang untuk mendapatkan pinjaman perniagaan daripada UiTM melalui MASMED bermula serendah RM500 sehingga RM3,000 dalam membangunkan perniagaan masing-masing.

Ahli Kosiswa yang mempunyai produk juga diberikan peluang untuk memasarkan produk perniagaan di platform media sosial Kosiswa dan meletakkan produk mereka di semua outlet Kosiswa secara percuma.

"Setakat ini, Kosiswa UiTM telah melahirkan hampir 100 usahawan siswa yang berjaya dalam pelbagai bidang perniagaan melalui inisiatif yang diperkenalkan oleh Kosiswa dan UiTM," katanya.

AHMAD NAJUDDIN MOHAMAD

MELALUI SAHAM DI IPT, APA KOMEN ANDA?

"Pada pendapat saya, ianya satu inisiatif yang bagus kerana dapat menggalakkan mahasiswa terlibat secara langsung dan mendedahkan mahasiswa kepada dunia perniagaan yang sebenar."
- Muhammad Iqbal Ramli, Ijazah Sarjana Muda Komunikasi (Kewartawanan), Unisel

"Saham koperasi ini dapat membantu pelajar dalam melibatkan diri dalam aktiviti perniagaan, di samping memupuk semangat muhibah dan bekerjasama antara pelajar serta membantu pelajar dalam mengetahui selok-belok perniagaan untuk menajua pendapatan."
- Zafirah Jaib, Ijazah Sarjana Muda Sains (Pembangunan Sumber Manusia), Universiti Teknologi Malaysia (UTM)

"Dengan adanya saham di IPT, ia lebih meyakinkan para pelajar untuk terlibat dalam perniagaan yang diusahakan."
- Mohd Nazirul Mubin Abdul Razak, Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi, Universiti Putra Malaysia (UPM)



KEMENTERIAN PENDIDIKAN TINGGI



UNIVERSITI
TEKNOLOGI
MARA



TERIMA KASIH